

Headline	FAMA saran ikut jejak Jimat Belanja Dapur, kurangkan harga		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	15 Apr 2018	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	16	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	212 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,145
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,435



FAMA saran ikut jejak Jimat Belanja Dapur, kurangkan harga

REMBAU 14 April - Program Jimat Belanja Dapur (JBD) telah mendatangkan kesan positif dengan para peniaga di pasar awam dan pasar raya mula menurunkan harga barang sejajar dengan harga ditawarkan di pasar tani.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri, Muslim Manja berkata, tinjauan yang dilakukan termasuk oleh beliau sendiri menda-

pati para peniaga berkenaan mula mengikuti langkah diperkenalkan kerajaan bertujuan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Katanya, orang ramai boleh melihat harga barangan terpilih seperti bawang, kentang, lobak dan tomato mengalami penurunan harga di luar daripada pasar tani selepas FAMA memperkenalkan stok simpanan bekalan makanan (SSBM).

“Saya lihat di sebuah pasar raya di Seremban sebelum ini harga bawang besar antara RM5 hingga RM7 sekilogram, tapi semalam dijual dengan harga hampir sama ditawarkan di pasar tani.

“Sekarang kita mula nampak kesan program JBD yang telah dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akhir bulan lalu yang memberi manfaat kepada para pengguna mengu-

Headline	FAMA saran ikutjejak Jimat Belanja Dapur, kurangkan harga		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	15 Apr 2018	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	16	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	212 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,145
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,435

rangkan kos sara hidup,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Program JBD di Pasar-Pasar Tani peringkat negeri di Pasar Tani Rembau dekat sini hari ini.

Pelancaran itu disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Modal Insan, Belia dan Sukan negeri, Datuk Zaifulbahri Idris.

Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Pasar Tani FAMA, Rosila-

wati Abu Hassan.

Manja menarik perhatian, program JBD akan diteruskan tanpa tempoh masa dengan matlamat pihak lain akan mengikut jejak FAMA menawarkan harga barang pada harga lebih rendah dan lebih banyak produk ditawarkan kepada orang ramai.

Katanya, FAMA berharap mendapat kerjasama daripada semua pihak iaitu pengguna, usahawan

dan peniaga lain supaya harga yang ditawarkan memberi nikmat kepada para pengguna.

Sementara itu, Zaifulbahri berkata, program JBD telah dilaksanakan di 26 lokasi melibatkan Program Jualan Sentuhan Rakyat (PJSR), pasar tani, AgroBazaar Rakyat 1Malaysia, AgroBazaar Kedai Rakyat, AgroBazaar K-Shoppe dan jemputan di beberapa jabatan dan agensi kerajaan di negeri ini.